

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**  
**TARIKH : 11 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]** minta **Menteri Kesihatan** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan supaya pusat penyelidikan penyakit berjangkit dan merbahaya mewujudkan jaringan usahasama bersama pusat-pusat penyelidikan dalam negara termasuk unit penyelidikan dalam universiti-universiti negara agar memperkukuhkan lagi keupayaan kerajaan bagi menangani wabak-wabak bahaya pada masa akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, penyelidikan usahasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan universiti-universiti dalam negara melibatkan penyakit berjangkit telah pun berjalan.

Sebagai contoh penyelidikan Simian Malaria bersama Universiti Malaysia Sarawak, kawalan vektor penyakit Denggi, Malaria dan Chikungunya bersama Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Vaksin Denggi bersama Universiti

Pertahanan Nasional Malaysia, Leptospirosis bersama Universiti Putra Malaysia.

KKM juga bercadang menjalankan penyelidikan secara usahasama dalam penyakit zoonosis dengan institut luar negara di masa akan datang. KKM akan berterusan menjalankan projek usahasama dengan universiti-universiti bagi memastikan wabak-wabak penyakit dapat ditangani bersama dimasa akan datang.